

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA

MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 9 TAHUN 1976

**PERATURAN-PERATURAN MENGENAI PEGAWAI-
PEGAWAI KERAJAAN YANG TERLIBAT DI DALAM
KEGIATAN DADAH**

Tujuan Pekeliling ini ialah untuk memberi penjelasan mengenai dasar terhadap pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat di dalam kegiatan penyalahgunaan dadah.

2. Kegiatan penyalahgunaan dadah adalah kesalahan jenayah yang boleh dihukum oleh Mahkamah di bawah Ordinan Dadah Merbahaya, 1952. Kerajaan telah menimbangkan masalah penyalahgunaan dadah di kalangan pegawai Kerajaan dan memutuskan bahawa dalam tempoh tiga bulan dari tarikh Pekeliling ini pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat dengan kegiatan penyalahgunaan dadah adalah diberi peluang untuk membuat pengakuan kepada Ketua Jabatan masing-masing tentang penglibatan mereka. Pegawai-pegawai yang tampil ke hadapan yang memerlukan rawatan perubatan dan pemulihan akan diberi cuti sakit tertakluk kepada Perintah Am Bab C, 17 sekiranya mereka menjalani rawatan pemulihan di pusat pemulihan yang diakui. Mereka tidak akan dikenakan tindakan tatatertib kecuali akibat sabitan di Mahkamah.

3. Selepas daripada tempoh tiga bulan yang diberi ini, mana-mana pegawai yang didapati terlibat dalam kegiatan penyalahgunaan dadah akan dikenakan tindakan tatatertib termasuk untuk tujuan dibuang kerja. Mereka yang memerlukan rawatan dan pemulihan akan hanya diberi cuti tanpa gaji selama tempoh yang diperakukan oleh Pegawai Perubatan.

DATUK ABDULLAH BIN MOHD. SALLEH,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
KUALA LUMPUR,
11hb September, 1976.